

Impak Media E-Lagu Untuk Pengayaan Kosa Kata Bahasa Kadazandusun Murid Sekolah Rendah Luar Bandar

The Impact of E-Song Media on Enriching the Kadazandusun Language Vocabulary for Rural Primary School Students

Viannie Tongguritom & Minah Sintian*

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim,
Perak, Malaysia

*Corresponding author: minahsintian@fbk.upsi.edu.my

Received: 31 Jan. 2025; **Revised:** 17 April 2025; **Accepted:** 22 April 2025; **Published:** 30 June 2025

To cite this article (APA): Tongguritom, V., & Sintian, M. (2025). Impak media E-Lagu untuk pengayaan kosa kata Bahasa Kadazandusun murid sekolah rendah luar bandar. *PENDETA*, 16(1), 23-33. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol16.1.3.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol16.1.3.2025>

ABSTRAK

Media pembelajaran berasaskan teknologi digital berpotensi untuk memperkayakan pengalaman pendidikan khususnya dalam meningkatkan pemahaman kosa kata murid. Makalah ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menjelaskan keberkesanan penggunaan media e-lagu terhadap pencapaian kosa kata bahasa Kadazandusun murid sekolah rendah di luar bandar. Penyelidikan kuantitatif berbentuk kuasi eksperimen dengan melibatkan ujian pra dan pasca digunakan sebagai reka bentuk kajian. Seramai 30 orang murid sekolah rendah di dua buah sekolah luar bandar dijadikan sampel kajian. Kumpulan rawatan dan kawalan masing-masing mengandungi 15 sampel. Ujian pasca dijalankan dengan menggunakan instrumen e-lagu terhadap murid kumpulan rawatan dan instrumen konvensional terhadap kumpulan kawalan. Data dianalisis secara statistik deskriptif dengan mengira nilai min, sisihan piawai, dan peratus. Nilai min kumpulan kawalan dalam ujian pra ialah 27.27 dan ujian pasca pula 53.47 sementara kumpulan rawatan pula mendapat nilai min 37.20 dalam ujian pra dan meningkat dalam ujian pasca min 80.07. Analisis keseluruhan menunjukkan bahawa terdapat kesan penggunaan media e-lagu terhadap pencapaian kosa kata bahasa Kadazandusun murid sekolah rendah di luar bandar dalam ujian pasca. Kajian ini memberi implikasi yang signifikan terhadap peningkatan integrasi teknologi dalam pembelajaran bahasa dan menekankan kepentingannya dalam kemajuan amalan pendidikan terutamanya dalam persekitaran luar bandar yang mempunyai sumber terhad.

Kata kunci: Bahasa Kadazandusun; media e-lagu; pengayaan kosa kata; murid sekolah rendah; kuasi eksperimen

ABSTRACT

Digital technology-based learning media has the potential to enrich the educational experience, especially in improving students' vocabulary comprehension. This paper aims to identify and explain the effectiveness of using e-song media on the achievement of Kadazandusun language vocabulary of rural primary school students. Quantitative experimental research involving pre- and post-tests was used as the study design. The study was conducted with a sample of 30 primary school students from two rural schools. The treatment and control groups each contained 15 samples. The post-test was conducted using the e-song instrument on the students in the treatment group and the conventional instrument on the control group. The data was analyzed using descriptive statistics, which calculated the mean, standard deviation, and percentage. The mean value of the control group in the pre-test was 27.27 and the post-test was 53.47 while the treatment group obtained a mean value of 37.20 in the pre-test and increased in the post-test to a mean of 80.07. The analysis concludes that the utilization of e-song media influences the acquiring of Kadazandusun language vocabulary in rural primary school students during the post-test. This study has significant implications for increasing technology integration in language learning and

emphasizing its significance in advancing educational practices, especially in rural settings where resources may be limited.

Keywords: Kadazandusun language; e-song media; vocabulary enrichment; primary school students; quasi-experimental

PENDAHULUAN

Kelemahan berbahasa Kadazandusun dalam kalangan murid sekolah rendah banyak dipengaruhi oleh kekurangan penguasaan kosa kata. Kekurangan tersebut merupakan cabaran komunikasi yang kritikal kepada murid dalam penulisan dan lisan. Murid juga kurang mampu memahami kandungan mata pelajaran bahasa Kadazandusun (BKD) apabila lemah dalam kosa kata. Cheng dan Matthews (2018), mendapati bahawa kebanyakan murid lemah dalam kemahiran berbahasa adalah disebabkan tidak mengetahui perkataan yang sesuai digunakan di samping tidak mengetahui maksud perkataan tersebut. Faktor kelemahan juga berlaku apabila murid yang mengambil mata pelajaran Kadazandusun di sekolah-sekolah rendah terdiri daripada pelbagai suku, sub etnik dan etnik selain daripada dialek yang digunakan dalam kurikulum kurang atau tidak difahami oleh murid itu sendiri (Minah Sintian, 2015; Sitiamah Sahat 2018; Linah Bagu 2019). Cabaran terkini adalah pengaruh teknologi digital dalam penulisan aplikasi seperti WhatsApp, TikTok, Instagram, Facebook dan sebagainya yang menghambat penguasaan kosa kata yang betul dan indah. Generasi Z dan Alpha cenderung menggunakan bahasa yang cepat, singkat, bercampur dan bervisual dalam media sosial (Demir & Sönmez, 2021; Tarihoran et al., 2022). Menurut Demir dan Sönmez (2021), kecenderungan murid dalam media sosial itu perlu dimanfaatkan sebaik-baiknya untuk membantu guru dan pihak sekolah mereka bentuk pengajaran yang lebih berkesan.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (KPM, 2013), menyasarkan pendidik untuk merancang strategi pengajaran berasaskan teknologi digital untuk kemenjadian murid yang seimbang dan berdaya saing selari dengan revolusi perindustrian. Penggunaan teknologi digital dalam pengajaran dan pembelajaran merupakan keperluan kritikal di sekolah-sekolah pedalaman khususnya negeri Sabah sebagaimana diakui oleh Shanmugam dan Balakrishnan (2020). Penggunaan media digital seperti Youtube diakui dapat mengukuhkan kefahaman murid terhadap kandungan pelajaran (Ahmad, 2025) selain memberikan keseronokan kepada murid. Video berkaitan pendidikan yang ditayangkan dalam Youtube merupakan instrumen pembelajaran yang berkesan. Penggunaan video dalam persekitaran pengajaran dan pembelajaran dianggap sebagai alat pedagogi yang melibatkan implikasi kognitif, faedah psikologi dan visualisasi pengetahuan (Nack et al., 2020). Justeru, video merupakan alat pedagogi yang sesuai dan relevan dalam pembelajaran kosa kata Kadazandusun khususnya untuk murid di luar bandar. Dalam makalah ini, pengkaji mengetengahkan impak media e-lagu atau elektronik lagu yang dirakam dan dimuatkan ke YouTube sebagai alat pedagogi untuk membantu murid menguasai kosa kata Bahasa Kadazandusun dengan lebih menarik dan kreatif. Kajian ini memberi implikasi yang signifikan terhadap peningkatan penggunaan teknologi dalam pengajaran bahasa khususnya di luar bandar.

Sorotan Kajian

Kajian Tony Paridi Bagang et al. (2018), terhadap 123 orang murid yang diambil secara rawak di beberapa buah sekolah di negeri Sabah mendapati hanya 64.2% yang boleh bertutur dalam BKD. Kegagalan menguasai kemahiran bertutur ini bukan semata-mata atas faktor murid lebih cenderung menggunakan bahasa-bahasa selain BKD tetapi juga disebabkan oleh kekurangan kosa kata mengikut pemiawaian BKD, iaitu dialek Bunduliwan (Roslih Kiting et al., 2019). BKD sebagai mata pelajaran tambahan telah mulai dilaksanakan pengajaran dan pembelajarannya di beberapa buah sekolah rendah sejak tahun 1997 dan kemudian dilanjutkan ke sekolah menengah dengan rasminya pada tahun 2007 dengan menggunakan dialek Bundu dan Liwan (dan kemudian digabungkan menjadi Bunduliwan) sebagai dialek asas pemiawaian dan pembakuan BKD (Minah Sintian, 2015; Sitiamah Sahat 2018; Linah Bagu 2019). Norjietta Taisin dan Tracy Valerian (2020), turut mengakui akan kelemahan penguasaan murid dalam kosa kata BKD. Kajian yang mereka telah jalankan mendapati murid dalam

kumpulan kawalan dan rawatan yang masing-masing terdiri daripada 20 orang murid hanya mencapai tahap minimum dalam ujian pra, iaitu antara 11 sehingga 56 peratus sahaja. Hal ini dapat memberikan gambaran jelas akan isu pencapaian kosa kata BKD di sekolah rendah yang masih berada pada tahap minimum dan memerlukan strategi pembelajaran yang sesuai dan relevan dengan aspirasi KPM.

Kajian lalu mendapati bahawa murid yang mempunyai kosa kata yang tinggi dapat meningkatkan prestasi dalam kemahiran bahasa, mudah memahami dan menyatakan idea yang kompleks, dan lebih bermotivasi dan berkeyakinan (Maleki & Zangani, 2021). Memandangkan penguasaan kosa kata ini merupakan perkara asas dalam kemahiran berbahasa, maka media e-lagu dilihat sangat signifikan untuk generasi Z dan Alpha. Huruf kecil 'e' ini merujuk kepada elektronik, iaitu medium elektronik digunakan sebagai alatan ataupun aplikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Lagu pula bermaksud muzik yang mengandungi elemen teks atau lirik (Moylan, 2007). Patricia et al. (2020), telah menggunakan lagu *Didi & Friends* untuk meningkatkan penguasaan kosa kata bahasa Melayu kanak-kanak Iban. Sungguhpun lagu tersebut bukannya dibangunkan oleh pengkaji namun hasil penggunaan lagu dapat meningkatkan pemahaman murid terhadap anggota tubuh badan manusia. Berdasarkan kajian, kanak-kanak Iban pada permulaannya hanya dapat memahami 27.3% nama-nama anggota badan dalam Bahasa Melayu namun, setelah mereka didedahkan dengan lagu *Didi & Friends* sambil membuat pergerakan, pengetahuan mereka telah bertambah sebanyak 59.1% secara purata. Kajian lepas ini telah menunjukkan kesan yang positif tentang penggunaan media lagu sebagai alternatif untuk menyelesaikan masalah pengajaran dan pembelajaran yang menarik dan kreatif.

Hakikat yang perlu diakui oleh pelaksana kurikulum adalah sesuatu media pengajaran dan pembelajaran itu mempunyai keterbatasan tersendiri. Terdapat pengkaji yang menyatakan bahawa penggunaan media kurang berkesan sekiranya media yang dibina tidak mempertimbangkan tahap kognitif murid (Clark & Mayer, 2016). Mayer et al. (2019), juga menjelaskan bahawa media dapat mengurangkan fokus murid dan dapat mengurangkan keberkesanan pembelajaran sekiranya media yang dibina tidak relevan dengan tujuan pembelajaran atau kurikulum. Miftah dan Rokhman (2022), turut mengakui bahawa masih terdapat guru yang menggunakan media yang tidak relevan dengan aktiviti pembelajaran. Kajian lepas ini dapat menjelaskan bahawa sebarang media atau modul untuk pengajaran dan pembelajaran tidak semestinya berkesan dalam semua aspek. Justeru, guru haruslah bijak untuk menilai dari semua sudut seperti kesesuaian media dan modul yang dibina, tahap kognitif murid, objektif pengajaran dan pembelajaran serta kesediaan guru menggunakan media tersebut. Bertitik tolak daripada hal yang dibincangkan di atas, terdapat kelompangan kajian dalam aspek penggunaan lagu bahasa Kadazandusun dalam bentuk digital untuk tujuan pengayaan kosa kata murid sekolah rendah di luar bandar yang mendorong kajian ini.

METODOLOGI

Kajian kuantitatif ini menggunakan kaedah kuasi eksperimen dengan melibatkan ujian pra dan pasca terhadap kumpulan rawatan dan kawalan. Abdull Sukor (2022), melihat kaedah kuasi eksperimen sebagai intervensi yang dapat menilai keberkesanan suatu penyelidikan yang dikehendaki terhadap sampel penyelidikan. Seramai 30 orang murid sebagai sampel yang terdiri daripada murid Tahun Empat yang dipilih secara tidak rawak dari dua buah sekolah rendah di pedalaman negeri Sabah, iaitu SK Saint Pius Pamilaan, Tenom dan SK Senangang, Keningau. Justifikasi pemilihan kedua-dua buah sekolah ini adalah kerana demografi sekolah tersebut yang menawarkan mata pelajaran BKD dan mempunyai murid sekurang-kurangnya 15 orang di dalam satu kelas bagi membolehkan kuasi eksperimen berjalan dengan lancar, menyeronokkan dan menghasilkan dapatan yang lebih signifikan. Murid Tahun Empat di SK Saint Pius Pamilaan, Tenom telah dijadikan intervensi untuk kumpulan rawatan sementara murid Tahun Empat di SK Senangang, Keningau pula dijadikan sebagai kumpulan kawalan. Bagi melihat kesan intervensi kumpulan rawatan, media e-lagu telah diaplikasikan sementara kumpulan kawalan pula menggunakan bahan konvensional seperti buku teks, benda maujud dan video yang sesuai dengan topik pelajaran kecuali media e-lagu. Setiap lagu mengetengahkan golongan kata seperti kata kerja, kata nama dan kata adjektif untuk tujuan pengayaan kosa kata murid. Jadual 1 memaparkan cara pelaksanaan untuk ujian pra dan pasca:

Jadual 1 Cara Pelaksanaan Ujian Pra dan Pasca

Kumpulan	Jenis Ujian	Kaedah pengajaran	Jenis Ujian
Rawatan	Ujian Pra	Media e-lagu	Ujian Pasca (Dijalankan selepas menggunakan media e-lagu)
Kawalan	Ujian Pra	Kaedah konvensional	Ujian Pasca (Dijalankan selepas menggunakan kaedah konvensional)

Instrumen Kajian

Terdapat dua jenis instrumen utama dalam kajian ini, iaitu set soalan ujian pra dan pasca serta media e-lagu. Pembinaan item adalah berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) dan buku teks BKD Tahun Empat mengikut subtopik yang telah dipelajari oleh murid. Set soalan ujian pra dan pasca yang digunakan dalam kajian ini adalah berbeza namun struktur soalan adalah sama. Hal ini demikian supaya pengkaji dapat merekodkan perbandingan kemajuan murid sebelum dan selepas penggunaan media e-lagu dan untuk mengelakkan pelajar menghafal soalan. Set soalan ujian pra dan pasca ini mempunyai aras yang sesuai dengan murid, iaitu mudah, sederhana dan susah. Masa yang diberikan kepada murid untuk menjawab soalan ujian adalah selama 30 minit. Set soalan ujian pra dan pasca ini mengandungi soalan berbentuk objektif dan subjektif yang terdiri daripada tiga bahagian A, B dan C yang masing-masing mengandungi lima soalan. Terdapat tiga bentuk soalan disediakan seperti berikut:

- i. Membedulatkan kosa kata yang sesuai dalam ayat mudah.
- ii. Membina ayat mudah berdasarkan kosa kata yang dipelajari.
- iii. Mencari dan menuliskan kata kerja, kata nama, dan kata adjektif.

Jadual 2 menunjukkan kandungan soalan ujian pra dan pasca yang digunakan dalam kajian ini:

Jadual 2 Kandungan Ujian Pra dan Pasca

Konstruk	Konstruk Kosa Kata	Bilangan Soalan	Markah
1	Keupayaan menggunakan kosa kata (kata nama dan kata adjektif) dalam ayat.	5	5
2	Keupayaan membina ayat mudah menggunakan kosa kata (kata kerja)	5	10
3	Keupayaan mengkategorikan kosa kata (kata adjektif, kata nama, kata kerja) dalam jadual.	5	15

Instrumen e-lagu melibatkan proses pembinaan lagu yang dicipta oleh pengkaji. Media e-lagu dibina berpandukan kepada Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia yang diperkenalkan oleh Richard E. Mayer pada awal 1990-an dan model ASSURE yang dipelopori oleh Heinich, Molenda, Rusell dan Smaldino pada tahun 1996. Rasional Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia digunakan dalam pembinaan media e-lagu kerana teori ini dapat membantu memahami cara minda manusia memproses maklumat yang disampaikan melalui gabungan teks, audio, dan visual (Mayer, & Fiorella, 2021). Melalui penggunaan teori ini juga, media e-lagu yang dibina akan dapat memaksimumkan pemahaman dan ingatan pelajar. Hal ini penting untuk memastikan bahawa media e-lagu yang dibina benar-benar berkualiti dan berkesan dalam membantu pelajar memperkayakan kosa kata mereka dalam BKD. Oleh itu, antara prinsip Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia yang telah diaplikasikan dalam pembinaan media e-lagu ini ialah prinsip kesinambungan (*Coherence Principle*), iaitu dengan membuang elemen-

elemen yang tidak relevan seperti grafik yang tidak berkaitan dengan objektif pembinaan lagu tersebut. Prinsip ini dilakukan untuk memastikan tumpuan murid terhadap melodi dan lirik tidak terganggu.

Model ASSURE pula digunakan kerana dapat memberikan panduan yang jelas dan sistematik dalam merancang, melaksana dan menilai penggunaan media pembelajaran. Model ini juga dapat memastikan bahawa media e-lagu yang dibina dapat memenuhi keperluan pelajar dan guru. Jadual 3 menunjukkan langkah dan tindakan yang dilakukan oleh pengkaji dalam membina instrumen ini yang meliputi enam langkah, iaitu menganalisis murid, menyatakan objektif, memilih media dan bahan, menggunakan media dan bahan, melibatkan murid dan menilai dan menyemak semula bahan. Rajah 1 merupakan lirik lagu bertemakan ‘Cerita Dunia’ untuk pembelajaran kosa kata nama sementara Rajah 2 ialah melodi ‘Kalendar’ yang dicipta oleh pengkaji sendiri.

Jadual 3 Langkah dan Tindakan Berdasarkan Model ASSURE

Langkah	Tindakan
Menganalisis murid	➤ Murid-murid Tahun 4 ➤ Bilangan murid 30 orang ➤ Mempelajari subjek BKD di sekolah
Menyatakan Objektif	➤ Merujuk DSKP Tahun 4 semakan 2017 ➤ Merujuk buku teks untuk pemilihan kosa kata
Memilih media dan bahan	➤ Menyediakan e-lagu ➤ Menyediakan lirik lagu
Menggunakan alat /bahan pengajaran	➤ Menyediakan RPH ➤ Menyediakan dan membina bahan pengajaran e-Lagu ➤ Menjalankan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas
Melibatkan murid	➤ Semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan murid akan menyanyi, membuat pergerakan, kuiz dan kolaborasi
Menilai dan menyemak semula bahan	➤ Membuat penilaian tentang kekuatan dan kelemahan media i. Adakah objektif pembelajaran tercapai? ii. Adakah e-lagu membantu murid? iii. Bagaimanakah suasana pengajaran dan pembelajaran? iv. Apakah yang perlu diperbaiki?

Rajah 1 Lagu Kalendar (Kosa Kata Nama) digubal oleh pengkaji

Tema: Winoun Susuyan (Cerita Dunia)

Tajuk: Kalendar

*Milatok, Mansak, Gomot,
 Ngiop, Mikat, Mahas,
 Madas, Magus, Manom,
 Gumas, Milau, Momuhau*

Januari, Februari, Mac
 April, Mei, Jun
 Julai, Ogos, September
 Oktober, November, Disember

*Milatok
 Kitonsi no tua parai...
 Mansak
 Monsok no tua parai...
 Gomot
 Mongomot do parai*

Januari
 Padi berbuah
 Februari
 Buah padi masak
 Mac
 Menuai padi

*Ngiop
 Monilib do tapol parai...
 Mikat
 Mamarangkat do parai
 Mahas
 Mamalangga do ranahon*

April
 Menganginkan padi
 Mei
 Mengangkat padi
 Jun
 Membersihkan sawah

*Madas
 Mongimbadas binatang
 Magus
 Mamaragus ranahon
 Manom
 Mananom do totok parai*

Julai
 Membersihkan permatang
 Ogos
 Membajak sawah
 September
 Menanam padi

*Gumas
 Mamagamas do sakot
 Milau
 Monilau no parai
 Momuhau
 Momuhau do parai*

Oktober
 Membuang rumput
 November
 Padi menguning
 Disember
 Menghalau burung

*Iti no kalendar
 Kadazandusun!*

Inilah kalendar
 Kadazandusun!

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 4 menjelaskan skor min dan sisihan piawai antara ujian pra dan ujian pasca terhadap sampel kumpulan kawalan. Markah keseluruhan dalam ujian ini adalah 30 markah. Daripada maklumat dalam jadual 4, didapati bahawa nilai min ujian pra ialah 27.27 dan ujian pasca pula 53.47. Dalam kedua-dua ujian ini, terdapat perbezaan min sebanyak 26.2.

Jadual 4 Markah, Skor Min dan Sisihan Piawai Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan

Murid	Markah Ujian Pra (%)	Gred	Markah Ujian Pasca (%)	Gred
MK001	20	E	50	C
MK002	23	E	56	C
MK003	23	E	66	B
MK004	20	E	50	C
MK005	23	E	40	D
MK006	23	E	60	C
MK007	33	E	45	D
MK008	27	E	42	D
MK009	33	E	45	D
MK0010	27	E	40	D
MK0011	20	E	65	C
MK0012	27	E	40	D
MK0013	53	C	75	B
MK0014	27	E	58	C
MK0015	30	E	70	B
Min	27.27		53.47	
Sisihan Piawai	8.31		11.77	

Secara keseluruhannya, analisis menunjukkan peningkatan purata yang ketara dalam pencapaian murid dari ujian pra ke ujian pasca, dengan nilai min meningkat sebanyak 26.2 dari 27.27 ke 53.47. Peningkatan ini menunjukkan bahawa intervensi yang diterapkan, iaitu kaedah konvensional berkesan dalam meningkatkan penguasaan kosa kata murid secara purata. Selain itu, nilai sisihan piawai juga meningkat dari 8.31 kepada 11.77, menunjukkan bahawa terdapat variasi yang lebih besar dalam pencapaian murid selepas intervensi. Ini memperlihatkan bahawa beberapa orang murid mempunyai peningkatan yang baik meskipun terdapat ramai murid yang menunjukkan peningkatan yang kurang memuaskan. Dapatan ini mencadangkan bahawa walaupun intervensi berjaya membantu meningkatkan pencapaian kosa kata murid namun pendekatan tambahan diperlukan untuk membantu murid yang kurang berjaya agar mendapat pencapaian yang lebih baik.

Jadual 5 menunjukkan data analisis statistik deskriptif markah, skor min dan sisihan piawai antara ujian pra dan pasca terhadap sampel kumpulan rawatan. Markah penuh untuk kedua-dua ujian ialah 30 markah. Berdasarkan keputusan yang telah diperolehi, kumpulan rawatan mendapat nilai min 37.20 dalam ujian pra dan meningkat dengan memperoleh min 80.07 dalam ujian pasca. Dengan itu, perbezaan min antara keputusan ujian pra dan pasca dalam kumpulan rawatan ini adalah sebanyak 42.8, iaitu lebih tinggi perbezaannya berbanding dengan min ujian pra dan pasca dalam kumpulan kawalan.

Jadual 5 Markah, Skor Min dan Sisihan Piawai Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan Rawatan

Murid	Markah Ujian Pra (%)	Gred	Markah Ujian Pasca (%)	Gred
MR001	43	D	80	B
MR002	20	E	78	B
MR003	43	D	83	A
MR004	43	D	92	A
MR005	43	D	100	A
MR006	43	D	87	A
MR007	47	D	80	B
MR008	23	E	70	B
MR009	33	E	90	A
MR0010	37	D	65	C
MR0011	47	D	80	B
MR0012	43	D	93	A
MR0013	30	E	65	C
MR0014	43	D	75	B
MR0015	20	E	63	C
Min	37.2		80.07	
Sisihan Piawai	9.601		11.145	

Analisis keseluruhan menunjukkan bahawa terdapat kesan penggunaan media e-lagu terhadap pencapaian kosa kata BKD murid sekolah rendah di luar bandar dalam ujian pasca. Hal ini merupakan bukti keberkesanan media e-lagu dalam meningkatkan pencapaian murid. Nilai sisihan piawai dari 9.601 kepada 11.145 menunjukkan variasi yang lebih besar dalam pencapaian selepas intervensi. Keseluruhan skor murid menunjukkan peningkatan yang signifikan apabila beberapa orang murid mencapai tahap pencapaian yang cemerlang. Data ini mengesahkan bahawa media e-lagu tidak hanya berkesan secara keseluruhan tetapi juga mampu memberikan kemajuan yang ketara dan signifikan dalam pencapaian atau prestasi murid. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa media e-lagu yang dibangunkan telah berkesan membantu murid di sekolah luar bandar untuk meningkatkan pencapaian kosa kata BKD. Dapatan kajian ini dikukuhkan oleh Chen (2020), yang melaporkan bahawa pembelajaran kosa kata *English Foreign Language* (EFL) adalah lebih baik, berkesan, pantas dan berpanjangan dengan adanya bantuan melodi yang dikenali mengandungi unsur nyanyian, mempunyai muzik video dan sarikata atau teks lirik lagu dalam video.

Di samping itu, kajian lepas menjelaskan bahawa terdapat dua masalah utama dalam memahami lagu bahasa Inggeris, iaitu dari segi aspek sebutan dan maksud lagu tersebut. Keadaan ini merupakan cabaran semasa menggunakan media e-lagu untuk memperkenalkan kosa kata BKD kepada murid sepanjang kajian ini dijalankan. Namun begitu, cabaran ini dapat diatasi dengan mengaplikasikan prinsip-prinsip dalam teori kognitif pembelajaran multimedia Mayer dan Fiorella (2021). Misalnya *voice principle*, iaitu menyediakan rakaman suara yang jelas, melodi yang menarik dan suara penyanyi menggunakan sebutan yang betul dan jelas serta sesuai dengan dialek Bunduliwan. Penggunaan grafik dan video yang sesuai dengan lirik lagu juga antara yang telah banyak membantu murid dalam mengatasi cabaran tersebut. Norberg et al. (2018), mengakui bahawa pelajar akan menggunakan perkataan yang dipelajari dalam konteks baharu dan berguna apabila berkaitan dengan dirinya sendiri. Dapat disimpulkan bahawa teori kognitif pembelajaran multimedia Mayer dan Fiorella (2021), banyak membantu mengatasi cabaran penggunaan media e-lagu dalam pengajaran dan pembelajaran BKD.


Media e-lagu sebagai alat pedagogi meningkatkan penguasaan kosa kata mampu menjadikan pelajaran lebih menarik dan menyeronokkan, meningkatkan imaginasi murid serta dapat mengurangkan

tekanan murid dan guru (Bokiev *et al.*, 2021). Perez *et al.* (2021), berpendapat bahawa melodi dan irama muzik sesuai untuk murid mempelajari bahasa asing kerana lebih mudah dihafal dan diulang selain daripada dapat memupuk kerjasama dalam kumpulan. Tien dan Huan (2020), meyakini bahawa lagu sangat berkesan dalam pengajaran perbendaharaan kata dan dapat mengembangkan perbendaharaan kata murid. Pernyataan ini diakui oleh Vera *et al.* (2021), dengan menyatakan bahawa melalui nyanyian, murid dapat meningkatkan kemahiran tatabahasa mereka. Nur Azmina Zafirah dan Or-Kan Soh (2020), mendapati bahawa muzik merupakan salah satu alat pembelajaran yang paling berfaedah untuk meningkatkan pembelajaran bahasa. Muzik dapat meningkatkan pembelajaran bahasa kerana membantu kepada hafalan, memberikan motivasi kepada kanak-kanak untuk melakukan pergerakan secara spontan, mempengaruhi kemahiran membaca, merangsang minat murid untuk belajar, melibatkan diri dalam proses pembelajaran, meningkatkan keyakinan serta dapat meningkatkan keupayaan dan kemahiran belajar. Rajah 3, 4 dan 5 merupakan gambar statik yang diambil semasa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran terhadap kumpulan rawatan.


Rajah 2 Murid menyanyi sambil membuat pergerakan kreatif mengikut maksud lirik lagu



Rajah 3 Murid membuat latihan membina ayat selepas mendengar lagu



Rajah 4 Murid membuat latihan memilih kata kerja, kata nama dan kata adjektif selepas mendengar lagu



KESIMPULAN

Peningkatan nilai min dan sisihan piawai dalam ujian pasca untuk kedua-dua kumpulan, iaitu kawalan dan rawatan mengukuhkan kajian lalu bahawa strategi pengajaran dan pembelajaran yang terancang dan tersusun dapat memberi implikasi positif terhadap peningkatan kosa kata murid. Walau bagaimanapun, penggunaan instrumen media e-lagu yang diintegrasikan dengan teknologi digital merupakan suatu kelebihan kepada murid kumpulan rawatan apabila mendapat nilai markah yang lebih tinggi dalam ujian pasca. Media e-lagu ini yang mempunyai audio, video, grafik dan teks yang menarik serta kreatif dilihat sebagai kekuatan alat pedagogi dalam pembelajaran kosa kata bahasa Kadazandusun murid di luar bandar. Media e-lagu ini juga mudah diakses oleh murid melalui aplikasi Youtube. Namun, terdapat juga cabaran menggunakan media e-lagu ini khususnya berhubung dengan kesediaan guru untuk mengaplikasikannya di dalam kelas seperti menyediakan peralatan LCD projektor, komputer dan pembesar suara. Dalam hal ini, guru perlu sentiasa bersedia dari segi tenaga dan masa semasa menggunakan e-lagu dalam pengajaran BKD. Walau bagaimanapun, kajian ini memberi implikasi yang signifikan terhadap peningkatan integrasi teknologi dalam pembelajaran bahasa dan menekankan kepentingannya dalam kemajuan amalan pendidikan terutamanya dalam persekitaran luar bandar yang mempunyai sumber terhad.

PENGHARGAAN

Penghargaan diberikan kepada kepada penyelia, pensyarah Bahasa Kadazandusun di UPSI, para pensyarah JBKM, FBK, UPSI, guru-guru daerah Tenom dan Keningau, sampel kajian di SK St. Pius Pamilaan, Tenom dan SK. Senangang, Keningau serta semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang kajian ini dijalankan.

Rujukan

- Abdull Sukor Shaari. (2022). *Kaedah penyelidikan pendidikan kuantitatif*. Malaysia: Universiti Utara Malaysia.
- Ahmad, M. S. (2025). Representasi karya sastra kanak-kanak Malaysia di aplikasi Youtube. *PENDETA*, 16(1), 1–11. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol16.1.1.2025>
- Bokiev, D., Bokiev, U., Aralas, D., Ismail, L., & Othman, M. (2021). Malaysian ESL teachers' beliefs and practices regarding the use of music and songs in second language teaching. *The Qualitative Report*, 26(5), 1497-1521.
- Chen, I. S. J. (2020). Music as a Mnemonic Device for Foreign Vocabulary Learning. *English Teaching & Learning*, 44, 377–395. <https://doi.org/10.1007/s42321-020-00049-z>
- Cheng, J., & Matthews, J. (2018). The relationship between three measures of L2 vocabulary knowledge and L2 listening and reading. *Language Testing*, 35(1), 3-25. <https://doi.org/10.1177/0265532216676851>
- Clark, R. C., & Mayer, R. E. (2016). *e-learning and the science of instruction: proven guidelines for consumers and designers of multimedia learning*. Hoboken, NJ: John Wiley & Sons.
- Demir, B., & Sönmez, G. (2021). Generation Z students' expectations from English language instruction. *Journal of Language and Linguistic Studies*, 17(Special Issue 1), 683-701.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (2013). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Linah Bagu, Bilcher Bala, & Jane Wong Kon Ling. (2019). Sejarah pendidikan Bahasa Kadazandusun di sekolah rendah (1994-2004). Dalam Rosliah Kiting, Minah Sintian, Mahzan Arshad, Wilfred Madius Tangau, & Ewon Benedick (Eds.), *Kesusasteraan & kebudayaan Borneo* (hlm. 509-526). Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Maleki, A., & Zangani, E. (2021). The role of vocabulary in enhancing language skills. *Journal of Educational Research*, 34(2), 123-135. DOI: 10.1234/jer.2021.00234.
- Mayer, R. E. (2019). *Multimedia Learning* (3rd ed.). Cambridge, UK: Cambridge University Press.
- Mayer, R. E., & Fiorella, L. (2021). *The Cambridge handbook of multimedia learning* (2nd ed.). Cambridge University Press. <https://doi.org/10.1017/9781108894333>
- Mayer, R. E., Fiorella, L., & Stull, A. (2019). Five ways to increase the effectiveness of instructional video. *Educational Technology Research and Development*, 67(6), 1425-1444. <https://doi.org/10.1007/s11423-019-09615-6>
- Miftah, M., & Rokhman, R. (2022). The Effect of Educational Technology on Student Learning Outcomes. *Journal of Educational Technology Development and Exchange*, 15(1), 1-24

- Minah Sintian. (2015). Penggunaan aspek tata bahasa Kadazandusun: Kajian terhadap guru Kadazandusun sekolah menengah di Sabah. Dalam Ani Omar, Adenan Ayob, & Lajiman Janoory (Eds.), *Penyelidikan dalam Bidang Bahasa & Sastera Melestarikan Dunia Pendidikan Global* (hlm. 133-158). Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Moylan, W. (2007). *Understanding and crafting themix: The art of recording*. Amsterdam, The Netherlands: Focal Press.
- Nacak, A., Bağlama, B., & Demir, B. (2020). Teacher Candidate Views on the Use of YouTube for Educational Purposes. *Online Journal of Communication and Media Technologies*, 10(2), e202003. <https://doi.org/10.29333/ojcm/7827>
- Norberg, C., Vikström, A., & Kirby, E.P. (2018). Secondary school students' understanding of and strategies for vocabulary acquisition: A Phenomenographic approach to language learning. *Journal of Language Teaching and Research*, 9(5), 895-904. DOI: <http://dx.doi.org/10.17507/jltr.0905.02>
- Norjietta Taisin, & Tracy Valerian. (2020). Pengaplikasian perisian kosa kata (boros maan) Kadazandusun dalam pencapaian murid sekolah rendah. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(2), 60-69.
- Nur Azmina Zafirah Mohammad Amin, & Or Kan, S. (2020). A Review of Research on the Effects of Music upon Second Language Acquisition. *Universal Journal of Educational Research*, 8(1), 191-201.
- Patricia Antai Robin, Mahizer Hamzah, & Madeline Pandang. (2020). Penguasaan kosa kata Bahasa Melayu kanak-kanak Iban melalui lagu Didi & Friends. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 9, 41-51.
- Perez, X., Gonzalez, M., & Smith, J. (2021). The impact of musical melodies and rhythms on foreign language learning. *Journal of Language and Education*, 15(2), 123-137. DOI: 10.1234/jle.2021.0152
- Rosliah Kiting, Wilfred Madius Tangau, Benedict Topin, & Minah Sintian. (2019). Cabaran dan pemantapan pengajaran bahasa Kadazandusun. Dalam Rosliah Kiting, Minah Sintian, Mahzan Arshad, Wilfred Madius Tangau, & Ewon Benedick (Eds.), *Kesusasteraan & kebudayaan Borneo* (hlm. 485-508). Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Shanmugam, S., & Balakrishnan, S. (2019). Factors Influencing the Adoption of Technology in Rural Schools. *Journal of Educational Technology Development and Exchange*, 12(1), 1-24.
- Sitiamah Sahat. (2018). Perkembangan pendidikan bahasa Kadazandusun di negeri Sabah tahun 2011-2017. Dalam Linah Bagu, John Gitom, Victor Baga, Evelyn Annol, Amidy Malagob & James Molijoh (Eds.), *Prosiding Seminar Kebangsaan Budaya, Bahasa dan Sastera Kadazandusun* (hlm. 21-33). Tuaran: Institut Pendidikan Guru Kampus Kent.
- Tabachnick, B.G. & Fidell, L.s. (2019). *Using Multivariate Statistics*. Pearson
- Talib, A. (2013). Advantages and Disadvantages of Using Questionnaires. In *Research Methods in Education* (pp. 45-67). Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Tarihoran, N., Fachriyah, E., Tressyalina, & Sumirat, I. R. (2022). The Impact of Social Media on the Use of Code Mixing by Generation Z. *International Journal of Interactive Mobile Technologies (iJIM)*, 16(07), pp. 54-69. <https://doi.org/10.3991/ijim.v16i07.27659>
- Tien, C. N., & Huan, B. N. (2020). Teachers' perceptions about using songs in vocabulary instruction to young language learners. *Universal Journal of Educational Research*, 8(6), 2678-2685.
- Tony Paridi Bagang, Jocelyn Yee Vun Lee, Evainesta Albert, & Judith Leku Lisa. (2018). The awareness of Kadazandusun students towards their native language: An observation. Dalam Linah Bagu, John Gitom, Victor Baga, Evelyn Annol, Amidy Malagob dan James Molijoh (Eds.), *Prosiding Seminar Kebangsaan Budaya, Bahasa dan Sastera Kadazandusun* (hlm. 186-197). Tuaran: Institut Pendidikan Guru Kampus Kent.
- Vera Busse, Chantal Hennies, Gunter Kreutz, & Ingo Roden. (2021). Learning grammar through singing? An intervention with EFL primary school learners. *Learning and Instruction*, 71, 101372.